

Rujukan Kami : UTM.J.17.03.04.01/10.12/22 Jld. 2 (1)
Tarikh : 7 Julai 2026

NOTIS KEPADA PELAJAR BIL. 8/2026
URUSAN PENGINAPAN KOLEJ KEDIAMAN PELAJAR SEMPENA CUTI
SEMESTER 2 SESI 2025/2026

Semua Pelajar Kanan

Program Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah
Universiti Teknologi Malaysia
Johor Bahru

Untuk makluman, cuti Semester 2 Sesi 2025/2026 bagi pelajar prasiswazah program Sarjana Muda dan pascasiswazah akan bermula pada **20 Julai 2026 hingga 11 Oktober 2026**. Sehubungan itu, notis ini bertujuan memaklumkan proses pengosongan bilik, pemulangan kunci, penyimpanan barang semasa cuti dan penyewaan semasa cuti semester.

1.0 PENGOSONGAN BILIK, KEBERSIHAN DAN KESELAMATAN HARTABENDA

- 1.1 Pelajar hendaklah memastikan bilik kediaman berada dalam keadaan bersih dan kemas.
- 1.2 Perabot sedia ada hendaklah disusun dengan teratur.
- 1.3 Semua suis elektrik hendaklah dimatikan sebelum meninggalkan bilik.
- 1.4 Tingkap dan pintu bilik hendaklah dikunci dengan sempurna.
- 1.5 Sebarang kerosakan atau kehilangan perabot/peralatan Universiti akibat kecuaian akan dikenakan caj. Caj pembersihan juga akan dikenakan sekiranya bilik ditinggalkan dalam keadaan kotor atau bersepah.

2.0 PEMULANGAN KUNCI BILIK

- 2.1 Tarikh akhir pemulangan kunci adalah pada **19 Julai 2026 (Ahad)**. Operasi kaunter pejabat kolej bagi urusan pemulangan kunci adalah seperti berikut:

Tarikh	Masa
18 Julai 2026 (Sabtu)	8.30 pagi – 1.00 tengahari 2.00 petang – 5.00 petang
19 Julai 2026 (Ahad)	8.30 pagi – 1.00 tengahari 2.00 petang – 5.00 petang

- 2.2 Pelajar yang gagal memulangkan kunci, selepas **19 Julai 2026** akan dikenakan caj sewa bilik sehingga tarikh kunci dipulangkan.
- 2.3 Pelajar wajib melengkapkan Borang Daftar Keluar dan menandatangani Buku Pemulangan Kunci di pejabat kolej.
- 2.4 Pemulangan kunci selepas jam **5.00 petang** hendaklah dibuat melalui **Key Drop Box** dengan syarat berikut:
 - 2.4.1 Borang daftar keluar telah dilengkapkan.
 - 2.4.2 Bilik telah dikunci.
 - 2.4.3 Kunci dimasukkan ke dalam **Key Drop Box**.
- 2.5 Kehilangan atau kerosakan kunci akan dikenakan denda antara **RM25.00 hingga RM50.00** atau mengikut kos penggantian sebenar.

3.0 PENYIMPANAN BARANG SEMASA CUTI

- 3.1 Tiada caj dikenakan untuk penyimpanan barang di stor yang telah ditetapkan namun pelajar digalakkan membawa pulang semua barangan milik peribadi.
- 3.2 Stor hanya dibuka kepada pelajar yang akan menginap di kolej kediaman UTM pada semester berikutnya.
- 3.3 Pelajar yang menginap di blok yang terlibat dengan kerja-kerja naik taraf pada Semester 1 Sesi 2026/2027 dibenarkan menyimpan barang di stor kolej kediaman yang berjaya diperoleh bagi Sesi 2026/2027 dengan mengemukakan bukti penempatan melalui aplikasi UTMSmart atau portal myUTM.
- 3.4 Pelajar disarankan merujuk pejabat kolej terlebih dahulu untuk mendapatkan maklumat lokasi stor kerana beberapa blok masih dalam fasa kerja-kerja naik taraf. Sekiranya stor di kolej kediaman baharu masih belum beroperasi atau tidak dapat digunakan berikutan kerja-kerja naik taraf, pelajar dibenarkan menyimpan barang di stor kolej kediaman semasa sehingga stor di kolej kediaman baharu sedia digunakan.
- 3.5 Lokasi stor, jadual dan tarikh pembukaan stor boleh dirujuk di kolej kediaman masing-masing.
- 3.6 Setiap barangan hendaklah dilabel dengan nama dan blok. Saiz kotak maksimum ialah 80cm (P) x 60cm (L) x 50cm (T).
- 3.7 Barangan tidak boleh diletakkan di luar kawasan stor. Denda RM25.00 akan dikenakan bagi pelanggaran peraturan ini. Pihak kolej tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan barang di dalam stor.
- 3.8 Kenderaan tidak dibenarkan disimpan di dalam bilik atau kawasan tidak dibenarkan. Denda RM25.00/hari akan dikenakan.
- 3.9 Barang yang tidak dituntut selepas satu (1) tahun boleh dilupuskan oleh pihak kolej tanpa sebarang tuntutan.

4.0 PENYEWAAN SEMASA CUTI SEMESTER

- 4.1 Pelajar yang ingin menyewa di kolej kediaman semasa cuti semester bagi tujuan yang dibenarkan Universiti boleh membuat penyewaan di kolej kediaman bermula **20 Julai 2026 hingga 18 September 2026** dengan membuat permohonan secara **walk-in atau e-mel** ke kolej kediaman berkaitan. Senarai kolej kediaman yang dibuka untuk penyewaan adalah seperti berikut:

Bil.	Kolej	Blok	Jantina
1.	Kolej Rahman Putra	G28, G29 dan G31	Siswa
		G13, G14 dan G15	Siswi
2.	Kolej Tun Fatimah	H25	Siswi
3.	Kolej Tun Razak	K11	Siswa
		K07, K09, K25 dan K28	Siswi
4.	Kolej Tun Hussein Onn	L12	Siswi
5.	Kolej Tun Dr Ismail	MA7	Siswa
6.	Kolej Tuanku Canselor	S04 dan S05	Siswa
7.	Kolej Perdana	U5	Siswi
8.	Kolej 9&10	UA2 (Aras 1 sahaja)	Siswi
		UB1 (Aras 1 sahaja)	Siswa
9.	Kolej Dato Onn Jaafar	XB1, XB2 dan XC2	Siswa

- 4.2 Pelajar yang kini menginap di blok selain daripada blok yang disenaraikan dalam Perkara 4.1 hanya dibenarkan untuk menyewa bilik di blok yang telah ditetapkan sahaja.
- 4.3 Pelajar yang ingin menyewa bilik semasa cuti semester dikehendaki mengisi Borang Permohonan Penyewaan Bilik Cuti Semester secara dalam talian yang disediakan di kolej.
- 4.4 Penentuan bilik dan blok penyewaan adalah tertakluk kepada pihak kolej.
- 4.5 Bayaran sewaan akan didebitkan ke akaun pelajar berdasarkan kadar dalam Lampiran 1.
- 4.6 Pelajar yang menyewa sehingga tamat tempoh sewaan dan telah berjaya mendapat penempatan kolej kediaman bagi Sesi 2026/2027 hendaklah mengosongkan bilik sewaan serta berpindah ke penempatan kolej kediaman yang ditawarkan dalam tempoh **14 September 2026 hingga 18 September 2026** bagi tujuan semakan kerosakan dan pembersihan bilik. Pelajar yang tidak berjaya mendapat penempatan kolej kediaman juga diwajibkan mengosongkan bilik sewaan serta memulangkan kunci selewat-lewatnya pada **18 September 2026**.

5.0 HAL-HAL LAIN

- 5.1 Pihak Universiti berhak mengeluarkan barang-barang milik pelajar yang ditinggalkan di kolej kediaman tanpa kebenaran. Selain caj sewa dan denda, tindakan tatatertib boleh diambil terhadap pelajar yang gagal untuk mengosongkan bilik mereka apabila diarahkan berbuat demikian oleh wakil Universiti.
- 5.2 Pelajar yang mendiami asrama tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Kaedah-kaedah UTM (Tatatertib Pelajar) 1999 dan segala peraturan yang dikeluarkan oleh pihak Universiti.
- 5.3 Sebarang pindaan kepada notis ini adalah tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa. Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi pihak kolej kediaman berkaitan atau Unit Residen, UTM.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,


(YULIE NURAFNIE BINTI ABD MAJID)
Ketua Unit Residen
Seksyen Perkhidmatan
Bahagian Pengurusan Aset
Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
UTM Johor Bahru

SENARAI KOLEJ YANG DITAWARKAN DAN KADAR SEWA/HARI

Kolej	Jantina	Jenis Bilik	Kadar Sewa/Hari		
			Pelajar Tempatan	Pelajar Antarabangsa	Pelajar IDP UTMSPACE
Kolej Rahman Putra (KRP)	Siswa dan siswi	Seorang	RM6.00	RM15.00	RM12.00
		Berdua	RM4.00	RM12.00	RM8.00
	Siswa	Seorang dengan bilik air	RM8.00	RM20.00	RM20.00
Kolej Tun Fatimah (KTF)	Siswi	Seorang eksekutif	RM30.00	RM30.00	RM30.00
		Seorang dengan bilik air	RM8.00	RM20.00	RM20.00
		Seorang	RM6.00	RM15.00	RM12.00
		Berdua	RM4.00	RM12.00	RM8.00
Kolej Tun Razak (KTR)	Siswa dan Siswi	Seorang	RM6.00	RM15.00	RM12.00
		Berdua	RM4.00	RM12.00	RM8.00
	Siswa	Seorang dengan bilik air	RM8.00	RM20.00	RM20.00
Kolej Tun Hussein Onn (KTHO)	Siswi	Seorang dengan bilik air	RM8.00	RM20.00	RM20.00
		Seorang	RM6.00	RM15.00	RM12.00
		Berdua	RM4.00	RM12.00	RM8.00
Kolej Tun Dr Ismail (KTDI)	Siswa	Berdua (Blok MA)	RM5.00	RM12.00	RM8.00
		Berdua dengan bilik air	RM8.00	RM20.00	RM20.00
Kolej Tuanku Canselor (KTC)	Siswa	Berdua	RM4.00	RM12.00	RM8.00
Kolej Perdana (KP)	Siswi	Seorang	RM6.00	RM12.00	RM12.00
		Berdua	RM4.00	RM10.00	RM8.00
Kolej 9&10 (K9&10)	Siswa dan Siswi	Seorang	RM6.00	RM12.00	RM12.00
		Berdua	RM4.00	RM10.00	RM8.00
Kolej Dato Onn Jaafar (KDOJ)	Siswa	Seorang	RM6.00	RM12.00	RM12.00
		Berdua	RM4.00	RM10.00	RM8.00